

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1997/98**

**Februari 1998**

**UAW201 – Perkembangan Manusia dan Tamadun**

**Masa: (3 jam)**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

1. Apakah definasi tamadun? Berikan contoh tamadun yang anda ketahui untuk menyokong definasi yang anda berikan.  
**(100 markah)**
  
2. Salah satu teori tentang kemunculan tamadun ialah hipotesis hidrolik yang dicadangkan oleh Karl Wittfogel sekitar 1950'an. Berikan bukti dan contoh tamadun awal yang menyokong teori ini.  
**(100 markah)**
  
3. Tamadun Mesopotamia adalah tamadun terawal di dunia. Apakah yang jelas diketahui dan yang kurang jelas diketahui tentang tamadun terawal ini?  
**(100 markah)**
  
4. Secara umumnya, tamadun di Mesir boleh dibahagikan kepada 3 zaman pemerintahan, iaitu Kerajaan Awal, Pertengahan dan Akhir. Bincangkan ketiga-tiga zaman ini dari segi kecemerlangan sehingga kejatuhan mereka.  
**(100 markah)**

5. Mengapakah tamadun Indus memain peranan penting dalam kajian kebudayaan kompleks di antara tamadun terawal di dunia?  
(100 markah)
6. Berikan bukti arkeologi yang menunjukkan bahawa budaya Yunani dan Rom merupakan tamadun terawal di Europah?  
(100 markah)
7. Setiap tamadun awal mempunyai keistimewaan. Pilih 3 dan bincangkan topik di bawah:  
a) Mumia  
b) Piramid  
c) Senibina Harappa  
d) Acropolis  
e) Bandar Uruk  
(100 markah)
8. Bincangkan perkembangan tamadun China dari asas-asasnya pada Dinasti Shang hingga Dinasti Han.  
(100 markah)
9. Bezakan masyarakat pemburu-pemungut daripada masyarakat petani dari segi saraan hidup, demografi, organisasi sosial, perdagangan dan kesenian. Gunakan contoh-contoh etnografi serta bukti arkeologi dalam perbincangan.  
(100 markah)
10. Bincangkan asal-usul, kecemerlangan dan kejatuhan tamadun Maya di Mesoamerika.  
(100 markah)

- oo o0o oo -